

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Selamat Pagi

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta Wakkilah Hayatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Amat Arif Ketua Hakim, Yang Amat Arif Ketua Hakim Syarie, Yang Arif Hakim-Hakim, Presiden Persatuan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam, Para Peguam, Tetamu-Tetamu, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Pendahuluan

Yang Amat Arif

2. Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua telah membolehkan kita semua hadir pada pagi ini. Selaku Peguam Negara, saya amat berbesar hati kerana diberikan penghormatan sekali lagi untuk memberikan ucapan dalam Upacara Pembukaan Tahun Undang-Undang 2012.

3. Sesungguhnya, tahun 2011 terbukti sebagai satu lagi tahun yang penuh peristiwa dan ada masanya, tahun mencabar bagi Pejabat Peguam Negara. Saya sangat berterima kasih dan bangga dengan pegawai-pegawai dan kakitangan kerana komitmen, integriti, ketabahan dan kesepakatan mereka ke arah usaha padu kita untuk memberikan perkhidmatan yang diamanahkan dan tidak terhalang oleh banyak cabaran yang mereka hadapi. Kita sangat didorong oleh Kementerian-Kementerian/Jabatan-Jabatan yang tidak pernah gagal meluahkan penghargaan mereka kepada Pejabat Peguam Negara apabila sesuatu tugas itu dapat diselesaikan terutama sekali apabila diminta dalam masa yang amat singkat. Sebaliknya, kita juga menghargai maklum balas mengenai kekurangan kita dan akan berbuat sesuatu yang paling baik untuk memperbaikinya.

Tahniah dan Penghargaan

4. Tahun 2011 juga menyaksikan persaraan dua orang pegawai paling kanan Pejabat Peguam Negara, Yang Mulia Pengiran Hajah Zabaidah binti Pg Haji Kamaludin, Penolong Peguamcara Negara, pada 19 Jun 2011 dan Datin Paduka Magdalene Chong, Peguamcara Negara, pada 27 Disember 2011. Kedua-dua orang pegawai ini telah berkhidmat di Pejabat Peguam Negara selama lebih dari 30 tahun. Pejabat Peguam Negara ingin merakamkan

penghargaan kepada mereka berdua kerana telah memberi sumbangan yang lama dan tidak ternilai dan mengucapkan Selamat Bersara. Namun demikian, kita yakin mereka akan terus memberi perkhidmatan kepada negara dalam apa kedudukan pun dan kita mendoakan semoga mereka berjaya dalam usaha mereka di masa hadapan.

5. Seterusnya, tahun 2011 menyaksikan kenaikan pangkat dan pertukaran seorang lagi pegawai paling kanan Pejabat Peguam Negara, Puan Naimah binti Mohd Ali, Penolong Peguamcara Negara sebagai Timbalan Setiausaha Tetap (Undang-Undang dan Kesejahteraan), Jabatan Perdana Menteri. Kita mengucapkan selamat maju jaya kepadanya dan berharap pelantikannya itu akan meningkatkan persefahaman baik dan kerjasama yang sedia ada di antara Pejabat Peguam Negara dan Jabatan Perdana Menteri.

6. *Alas* - seperti organisasi lain, tahun 2011 juga menyaksikan beberapa orang lagi pegawai Pejabat Peguam Negara yang bertukar/meletakkan jawatan. Sesungguhnya, Pejabat Peguam Negara merasa bangga kerana dapat menghasilkan sekumpulan pegawai yang dikehendaki dan sangat diperlukan meskipun tidak dapat tidak mendatangkan cabaran yang berterusan kepada Rancangan Penggantian Pejabat dan usaha kita untuk memenuhi

permintaan dan jangkaan yang sentiasa meningkat. Walaupun begitu, kita harus bergerak, menjalani perubahan organisasi jika perlu kita buat dan terus berusaha untuk memberikan perkhidmatan undang-undang yang dijangkakan daripada kita, iaitu bagi penggubalan, penyemakan dan pembaharuan undang-undang, litigasi, pendakwaan jenayah dan pemberian nasihat undang-undang, sebagai urusan teras. Peningkatan permintaan dan kompleksiti tidak berpadanan dengan peningkatan tenaga manusia. Walau bagaimanapun, dengan nada yang positif, kita beruntung pada tahun lepas telah dapat mengambil dua orang siswazah muda dan seorang pegawai daripada Kementerian Pertahanan. Kita akan meningkatkan usaha pengambilan ini. Sebenarnya, kita memang ada menawarkan penempatan jangka pendek kepada pelajar undang-undang di Pejabat Peguam Negara dengan harapan sebilangan (jika tidak semuanya) daripada mereka akan menyertai kita untuk berkhidmat dengan Negara kita yang tercinta setelah mereka memperolehi kelulusan Bar.

7. Dalam perhimpunan tahunan yang mulia ini, kita di Pejabat Peguam Negara ingin memperbaharui ikrar kita, sebagai sebuah cabang penting dalam perlaksanaan keadilan untuk memastikan Anggota Kehakiman mendapat sokongan dan kerjasama penuh kita dalam tugas-tugas anda untuk melaksanakan keadilan dan mem-

pertahankan Kedaulatan Undang-Undang, membantu Anggota Kehakiman mengenakan undang-undang dengan saksama dan menjalankan perbicaraan yang adil dan tidak berat sebelah, yang bermakna memberikan hak kepada kedua belah pihak untuk bercakap dan didengar. Keadilan dijalankan banyak mengikut keputusan hakim. Meminjam kata-kata Yang Amat Arif Ketua Hakim Chan Sek Keong dari Singapura semasa pembukaan Tahun Undang-Undang 2009 “setiap kali seseorang hakim itu melangkah masuk ke dalam bilik perbicaraan, dia teringat dengan auranya dan kehadiran peguam yang berjubah bahawa dia berada di sana untuk menuntut keadilan dan bukan kerana sebab lain”. Yang Amat Arif Ketua Hakim selanjutnya menyatakan “Jalan menuju keadilan dibuka dengan perasaan saling hormat menghormati dan saling berbudi bahasa, bukan sahaja di antara Peguam-Peguam, tetapi juga di antara Anggota Kehakiman dan Peguam”. Kita yakin di bawah pimpinan bijaksana Yang Amat Arif sebagai Ketua Hakim, asas yang kukuh itu akan tetap wujud di mahkamah-mahkamah Negara Brunei Darussalam.

Inisiatif Pejabat Peguam Negara

8. Pada tahun ini saya ingin mengetengahkan dua inisiatif penting. Inisiatif-inisiatif tersebut adalah Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dan Modal Intelekt Insan. Yang Amat Arif juga

telah menyebut dua perkara penting ini berkenaan dengan Jabatan Kehakiman. Saya bersetuju sepenuhnya penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi boleh meningkatkan proses kerja dan keberkesanan pengendalian. Sistem pengurusan maklumat yang inovatif pastinya akan meningkatkan kecepatan proses kerja setiap Bahagian.

9. Lawatan saya baru-baru ini ke Pejabat Peguam Negara Singapura untuk melihat Sistem Penyuntingan Undang-Undang dan Penerbitan Tulen yakni *Legislation Editing and Authentic Publishing System* (LEAPS) dan Sistem Pengurusan Undang-Undang Elektronik yakni *Electronic Legal Management System* (ELMS) adalah sangat memberikan inspirasi.

10. LEAPS adalah alat elektronik untuk menggubal dan menerbitkan undang-undang dalam Pangkalan Data Undang-Undang versi baru mereka. Kesilapan atur huruf dikurangkan dan pangkalan data akan dikemaskinikan dengan cepat dan tepat. Sistem tersebut juga membolehkan penerbitan laporan kemas kini dalam masa nyata dan dengan itu memastikan pengguna-pengguna mempunyai akses kepada versi undang-undang terkini pada setiap masa.

11. ELMS adalah sistem pengurusan undang-undang yang membolehkan penghasilan, penugasan dan pengesanan kerja dihantar kepada Pejabat Peguam Negara dengan sistem dalam talian bersepadu. Ketua-Ketua Bahagian boleh memeriksa, menerima, menugaskan dan mengesan semua nasihat undang-undang secara elektronik. Ia juga membolehkan penugasan kerja terus kepada pegawai undang-undang dengan mengedarkan rang nasihat bagi pandangan dan ulasan di dalam bahagian itu atau pegawai (pegawai-pegawai) yang dipilih. Masa putaran bagi menjawab permintaan nasihat adalah sangat mengagumkan.

12. Pejabat saya sedang dalam proses mendapatkan sistem yang serupa. Meningkatkan kemampuan menggubal undang-undang, memberikan nasihat undang-undang dan menjalankan pendakwaan adalah di bawah objektif strategik Pejabat Peguam Negara.

13. Kita telah menghadapi cadangan projek, Borang Permohonan projek RKN dan Laporan Eksekutif EGNC yang merupakan bahagian-bahagian yang diperlukan dalam proses mendapatkan pendanaan bajet kepada Jabatan Perdana Menteri. JPKE dan EGNC juga telah menelitinya dan saya dimaklumkan kita sedang menunggu pengesahan projek dan adanya bajet akan diketahui dalam Tahun Kewangan 2012/2013. Saya masih

berharap projek-projek ini akan mendapat pendanaan dan sokongan yang kita perlukan.

14. Walau bagaimanapun, tenaga manusia masih penting. Dalam hal ini, peningkatan kepakaran dalam semua bidang undang-undang adalah satu projek jangka panjang dan kita komited sepenuhnya ke arah itu dan satu ‘peta jalan’ latihan yang termasuk penempatan kerja dengan rakan-rakan sejawat kita di Singapura, UK dan Hongkong dan firma-firma guaman yang terkemuka atau Pejabat Peguam Negara, syarikat-syarikat perniagaan seperti BSP, di negara ini dan di luar negara, dan di organisasi serantau dan antarabangsa seperti ASEAN, WTO, dsb. telah dirancang oleh Jawatankuasa Sumber Tenaga Manusia. Kita juga akan meneruskan latihan dalaman dengan menjemput pakar-pakar tempatan dan luar negeri dalam pelbagai bidang termasuk latihan kepeguaman di samping menyertai persidangan, seminar dan bengkel penting. Jawatankuasa Sumber Tenaga Manusia akan terus merancang program berstruktur untuk memenuhi aspirasi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengembangkan modal insannya dan untuk mewujudkan sektor awam yang sangat tinggi profesionalnya selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

15. Sehubungan dengan ini, Pejabat Peguam Negara sukacita melaporkan pada tahun 2011, 4 orang pegawai mendapat *Masters of Law*, dan 8 orang pegawai pada masa ini sedang menjalani latihan dalam perkhidmatan di luar negeri dalam pelbagai bidang undang-undang.

16. Di sini, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana memberi peruntukan bajet yang lebih banyak. Pejabat Peguam Negara juga meyokong sepenuhnya usaha Yang Amat Arif dalam memperbaiki pengurusan kes dan mediasi dan berharap kita semua dapat menyelaraskan usaha bersama kita ke arah pelaksanaan keadilan dengan lebih berkesan. Usaha bersepadu itu adalah penting untuk meningkatkan keyakinan orang ramai dalam pelaksanaan keadilan. Pada tahun lepas saya telah bercakap Pejabat Peguam Negara sedang meneliti kemungkinan untuk menggubal undang-undang ke arah pengurusan kes-kes jenayah yang lebih berkesan. Setelah menilai dengan lebih teliti cabaran-cabaran yang dihadapi dalam bidang kuasa lain dan keperluan-keperluan yang berlainan dan keupayaan pelaksanaan sistem kita, saya mendapatinya perlu untuk menubuhkan satu jawatankuasa kerja dalam jangka masa yang singkat yang akan diketuai oleh

seorang pegawai kanan daripada Pejabat Peguam Negara. Saya akan meminta mahkamah-mahkamah, agensi-agensi penguatkuasaan, Persatuan Undang-Undang dan peguam-peguam persendirian yang menjalankan amalan jenayah untuk menyertai jawatankuasa kerja itu dengan menghantar wakil. Jawatankuasa Kerja itu akan diberi tugas untuk membincangkan dan mencadangkan rangka undang-undang dan langkah-langkah perlaksanaan ke arah penyelesaian awal kes dan mengurangkan pembaziran masa kehakiman termasuk prosedur pendedahan kes jenayah dan protokol tawar-menawar pengakuan dan untuk mengadakan rundingan dengan pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan bagi menghalusi cadangan-cadangan untuk diluluskan. Saya meminta sokongan Yang Amat Arif dan pegawai-pegawai lainnya dalam inisiatif penting ini.

Masa Hadapan:

17. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, izinkan saya berkongsi secara ringkas beberapa tugas utama dan rancangan Pejabat Peguam Negara pada masa hadapan.

Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah dan Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah

18. Bagi menyokong hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk melihat Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah dan Perintah Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah diluluskan, pegawai-pegawai saya telah menghadiri secara tetap mesyuarat-mesyuarat Majlis Ugama Islam dan Jawatankuasa Mensesuaikan Undang-Undang Menurut Kehendak Ugama Islam untuk memberi bantuan undang-undang yang diperlukan dan mengenai penggubalan undang-undang. Sokongan Pejabat Peguam Negara sudah setentunya tertakluk kepada panduan yang diberikan oleh Majlis Ugama Islam dan pakar-pakar dalam Undang-Undang Syariah.

Rancangan Strategik

19. Pejabat Peguam Negara sukacita melaporkan bahawa Rancangan Strategik 2012-2017 telah dilancarkan pada 11 Oktober 2011 oleh Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Hj Ibrahim.

20. Ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan II itu memberi semangat kepada kita untuk menyahut cabaran dan tanggungjawab berat Pejabat Peguam Negara. Kita menghargai sepenuhnya peringatan Yang Berhormat Menteri Kewangan II itu bahawa perkembangan kepakaran dan pengalaman sahaja tidak mencukupi tetapi perlu disaluti dengan rasa rendah diri, disiplin, integriti, profesionalisme, komitmen dan kerja berpasukan.

21. Saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengulangi nasihat Yang Berhormat Menteri Kewangan II itu kepada Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan untuk membantu Pejabat Peguam Negara dengan “terlebih dahulu menganalisa dan mengesahkan dasar-dasar sebelum meminta Pejabat Peguam Negara untuk menggubal undang-undang”.

22. Satu hal lagi, izinkan saya menambah tentang perlunya bagi Kementerian-Kementerian/Jabatan-Jabatan untuk memberi perhatian kepada isu-isu pelaksanaan dan pengendalian serta keupayaan untuk menguatkuasakannya kerana undang-undang adalah baik hanya apabila ia dapat dilaksanakan. Bagi tujuan ini, Bahagian Penggubalan Undang-Undang telah memberikan dan akan terus memberikan taklimat bagi Setiausaha-Setiausaha Tetap daripada Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan lain Kerajaan

untuk membantu mereka memahami proses penggubalan undang-undang dan masalah-masalah yang dihadapi oleh Penggubal Undang-Undang. Taklimat ini juga diberikan oleh Bahagian-Bahagian lain di dalam Pejabat Peguam Negara dan saya sangat-sangat berterima kasih kepada pegawai-pegawai saya kerana memberikan taklimat tersebut di samping tanggungjawab-tanggungjawab mereka yang semakin mencabar.

Devolusi Pejabat Pendaftaran

23. Dalam ucapan saya pada tahun 2010, saya telah mengatakan bahawa selaras dengan amalan di negara-negara lain, sebuah agensi utama patut diwujudkan bagi perkembangan Harta Intelektual (IP). Alhamdulillah, tahun 2012 akan menyaksikan apa yang kita sebut sebagai ‘Devolusi Pejabat Pendaftaran’. Ini akan berlaku secara berperingkat-peringkat selaras dengan Rancangan Strategik Pejabat Peguam Negara. Pada 1hb Januari 2012, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pejabat Pendaftaran Paten telah ditubuhkan di bawah Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei. Mulai dari 17 Februari 2012, Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara ahli kepada Konvensyen Paris bagi Perlindungan Harta Perindustrian. Pejabat Peguam

Negara juga kini bersedia untuk menjadi pihak dalam Triti Kerjasama Paten (PCT) dan Triti Budapest.

24. Pejabat Peguam Negara mengadakan perundingan dengan Pertubuhan Harta Intelektual Sedunia (WIPO) ke arah penubuhan sebuah Pejabat IP bebas yang akan mentadbir, mengurus dan mempromosikan IP dan untuk meningkatkan infrastruktur Pejabat Pendaftaran IP. Walau bagaimanapun, nasihat dan pendakwaan akan terus menjadi tanggungjawab Pejabat Peguam Negara. Dalam perkembangan lain, Pejabat Pendaftaran Syarikat dan Nama Perniagaan (ROC) akan berpindah ke Kementerian Kewangan mulai April 2012. ROC adalah bahagian penting Pejabat Peguam Negara dan telah diakui sebagai memainkan peranan utama dalam peningkatan penilaian “Menjalankan Perniagaan di Brunei”. Namun demikian, ‘devolusi’ ini perlu demi kebaikan negara dan selaras dengan amalan di negara-negara lain. Pejabat Peguam Negara mengucapkan selamat maju jaya kepada mereka dan berharap mereka akan terus memberikan perkhidmatan mereka yang sangat diperlukan itu di ‘rumah’ baru mereka.

Bahagian Baru

(Bahagian Penyelidikan dan Penelitian Undang-Undang)

25. Tahun 2011 juga menyaksikan penubuhan satu Bahagian baru iaitu Bahagian Penyelidikan dan Penelitian Undang-Undang. Misinya adalah untuk menyediakan tulang belakang undang-undang yang teguh di dalam Pejabat Peguam Negara dan Kerajaan dengan memberi perkhidmatan berkualiti tinggi dan perkhidmatan yang pasti ada nilai tambahan dalam penyelidikan, penelitian dan pembaharuan undang-undang dengan berkesan, profesional dan cepat. Bahagian ini akan bekerja rapat dengan Jawatankuasa Penilaian Semula Undang-Undang di Jabatan Perdana Menteri. Penggubal Undang-Undang akan memantau dengan teliti perkembangan Bahagian baru ini.

Penutup

26. Yang Amat Arif, meskipun kita tidak tahu apa yang akan berlaku pada masa hadapan, kita tetap optimistik dan menunggu dengan harapan agar inisiatif dan cadangan Pejabat Peguam Negara membuahkan hasil yang baik daripada pihak-pihak berkuasa yang berkaitan. Dengan kerja keras dan tawakal kepada Allah Subhanahu Wa'taala kita akan terus berusaha mencapai wawasan kita untuk menjadi “penyedia perkhidmatan undang-undang yang berkualiti tinggi”, InsyaAllah.

Akhir sekali, kita mengucapkan kepada Yang Amat Arif, Yang Arif Hakim-Hakim, semua peguam dan semua yang hadir semoga tahun 2012 ini mendatangkan kebahagiaan, kesihatan dan kejayaan.

وبالله التوفيق والهداية ، السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih.